



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



**HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN ISLAM PENGETUA  
TERHADAP EFIKASI KENDIRI GURU SEKOLAH MENENGAH  
AGAMA: TINJAUAN AWAL**

*THE RELATIONSHIP BETWEEN ISLAMIC LEADERSHIP STYLE OF  
PRINCIPALS TOWARDS SELF -EFFICACY OF RELIGIOUS SECONDARY  
SCHOOL TEACHERS: A PRELIMINARY SURVEY*

Karmila Zakaria<sup>1\*</sup>, Aida Hanim Abd Hamid<sup>2</sup>, Norasmah Othman<sup>3</sup>

- <sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: p106062@siswa.ukm.edu.my
- <sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: aidahanim@ukm.edu.my
- <sup>3</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: lin@ukm.edu.my
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 06.01.2022  
Revised date: 15.01.2022  
Accepted date: 07.02.2022  
Published date: 06.03.2022

**To cite this document:**

Zakaria, K., Abd Hamid, A. H., & Othman, N. (2022). Hubungan Gaya Kepimpinan Islam Pengetua Terhadap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah Agama: Tinjauan Awal. *International Journal of Modern Education*, 4 (12), 01-18.

DOI: 10.35631/IJMOE.412001

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti hubungan antara gaya kepimpinan Islam Pengetua dengan Efikasi Kendiri Guru (EK) di Sekolah Menengah Agama. Kajian tinjauan ini turut dilaksanakan bagi meneroka tahap kepimpinan Islam dalam kalangan pengetua serta tahap efikasi yang ada dalam diri guru. Data tersebut dikumpulkan daripada 50 orang guru yang berkhidmat di dua buah Sekolah Menengah Agama Swasta di Daerah Hulu Langat. Hasil analisis data merekodkan bahawa amalan kepimpinan Islam dalam kalangan Pengetua berada pada tahap sederhana tinggi bagi keseluruhan prinsip yang diamalkan. Manakala tahap efikasi kendiri guru mencapai tahap yang tinggi bagi keseluruhan dimensi. Dalam pada masa yang sama, keputusan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara gaya kepimpinan Islam Pengetua dengan EK Guru walaupun pada tahap yang lemah. Dapatan ini membuktikan bahawa amalan Kepimpinan Islam Pengetua amat berperanan dalam mempertingkatkan keupayaan pengajaran serta efikasi kendiri guru. Kajian ini merupakan kajian awal dalam menilai hubungan kepimpinan Islam pengetua ke atas tiga dimensi efikasi kendiri guru iaitu strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan murid. Kajian ini memberikan implikasi praktikal melalui bukti empirikal kepada Kementerian Pendidikan Malaysia serta pengurusan tertinggi sekolah bagi meningkatkan strategi perancangan ke arah meningkatkan kualiti kepimpinan pengetua dalam meransang efikasi kendiri pendidik.

**Kata Kunci:**

Pengetua, Kepimpinan Islam, Efikasi Kendiri Guru, Gaya Kepimpinan, Pemimpin

**Abstract:**

This study was conducted to examine the relationship between the Islamic leadership style of principals with teachers' self -efficacy (EK) in Religious Secondary Schools. This survey study was also conducted to explore the level of Islamic leadership among principals as well as the level of effectiveness in teachers. The data was collected from 50 teachers who served in two Private Religious Secondary Schools in Hulu Langat District. The results of the data analysis recorded that the practice of Islamic leadership among the Principals was at a moderately high level for the overall principles practiced. While the level of teacher self -efficacy reached a high level for the overall dimension of teacher self -efficacy. At the same time, the results also show that there is a positive and significant relationship between the Islamic leadership style of the Principal with the EK of teachers even at a weak level. These findings prove that the Islamic Leadership of the Principal plays an important role in improving the teaching ability and self -efficacy of teachers. This study is a preliminary study in evaluating the relationship of Islamic leadership of principals on the three dimensions of teacher self -efficacy, namely teaching strategies, classroom management and student involvement. This study provides practical implications through empirical evidence to the Ministry of Education Malaysia as well as the top management of schools to formulate future planning strategies towards improving the quality of leadership of principals in stimulating the self -efficacy of educators.

**Keywords:**

Principal, Islamic Leadership, Teacher Self -Efficacy, Ledership Style, Leader

**Pengenalan**

Kepimpinan merupakan tunjang bagi pengurusan dan pentadbiran sebuah organisasi. Kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi dapat diukur menerusi corak kepimpinan yang dibawa oleh seorang pemimpin (Traversi, 2007). Sehubungan itu, Sidra et al. (2012) menegaskan bahawa perubahan organisasi yang efektif tidak mungkin terlaksana sekiranya tiada keupayaan memimpin yang mantap. Pengetua selaku peneraju atau pemimpin utama dalam organisasi sekolah seharusnya memiliki pengaruh dan kompetensi kepimpinan dalam mengendalikan operasi pendidikan. Malah, setiap tindakan yang dilaksanakan oleh pengetua akan memberi gambaran dan menjadi perhatian kepada gaya kepimpinan yang diamalkan (Azlin dan Roselan, 2015). Walaupun terdapat pelbagai gaya kepimpinan yang diamalkan oleh pemimpin pendidikan namun seorang pemimpin perlu melaksanakan corak kepimpinan yang sesuai dengan iklim organisasi, suasana, kelompok serta orang perseorangan (Amanchukwu, Stanley dan Ololube, 2015).

Kepimpinan merujuk kepada satu bentuk keupayaan pemimpin untuk mempengaruhi amalan orang yang dipimpin sehingga tercapai matlamat di dalam organisasi tersebut (Blancard, 2007 dan Northouse, 2004). Kepimpinan juga diistilahkan sebagai usaha dalam menggerakkan individu atau kumpulan manusia sehingga mampu mencapai matlamat sesebuah institusi

pertubuhan (Noraini dan Ahmad, 2011). Sementara itu, kepimpinan dari perspektif Islam pula membawa maksud tanggungjawab seseorang individu yang mukallaf dalam menunaikan segala kewajipan Islam sama ada berbentuk suruhan atau larangan Allah SWT, sudah pun mencecah usia dewasa dan berakal (aqil baligh), serta telah sampai dakwah syariat Islam kepadanya (Khalid, 2008). Gaya kepimpinan Islam merupakan satu bentuk kepimpinan yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip Islam yang berpotensi memberikan impak besar terhadap peningkatan prestasi pendidikan dalam kalangan pengetua, guru mahupun murid. Amalan prinsip kepimpinan berlandaskan Islam, bukan sahaja mampu membangunkan masyarakat yang berpegang dengan asas Islam dalam kehidupan, malah boleh menerajui perubahan mengikut arus perkembangan globalisasi bagi menjadikan sistem pendidikan negara lebih baik dari masa ke masa (Ahmad Marzuki, 2013). Perkara ini turut disokong oleh Siti Sumaiyya (2020) dalam kajian beliau yang menjelaskan berkenaan amalan kepimpinan pengetua cemerlang di lapang buah sekolah merupakan pengetua yang menekankan penerapan elemen tauhid terhadap konsep keimanan dalam kalangan warga sekolah.

Selaku pemimpin sekolah, pengetua dan guru besar mempunyai peranan dalam memantau segala keperluan guru, memberikan sokongan dan bimbingan dalam usaha mempengaruhi perkembangan efikasi sendiri para pendidik (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Efikasi sendiri (EK) adalah persepsi guru kepada keupayaan sendiri untuk mengajar dengan berkesan di samping tanggapan mereka tentang kebolehan menguasai hasil pembelajaran dalam kelas selain meninggalkan kesan motivasi serta pencapaian murid (Friedman & Kass 2002). Efikasi sendiri ini merupakan faktor penting dalam meningkatkan kompetensi pengajaran guru terutamanya dalam mengadaptasi perubahan semasa dalam pendidikan. Oleh itu, kepimpinan seorang pengetua amat penting dalam mempengaruhi atau mengubah cara kerja guru bagi menyediakan iklim sekolah yang harmonis malah sebagai pusat pendidikan yang cemerlang.

### **Isu Dan Permasalahan Berkait Pemimpin Sekolah**

Pemimpin sekolah dalam kalangan pengetua atau guru besar menggalas tugas utama pentadbiran. Kewibawaan seorang pengetua atau guru besar adalah penentu dalam menjamin keberkesanan sekolah. Leithwood dan Beatty (2008) menyatakan pengetua mempunyai tanggungjawab atau peranan yang memberi impak besar kepada keberkesanan sekolah. Pengetua bukan hanya perlu berperanan dalam memastikan kelangsungan struktur dan sistem sekolah, namun memiliki kebolehan dalam bergandingan dengan guru bagi menangani cabaran yang melanda sistem pendidikan (Mohd Nor dan Jazmi, 2015). Malah, kemahiran pengetua dalam mengendalikan segala kuasa sudah tentu dapat menghadapi perubahan (Mohd Rofidzan, 2008). Dalam pada masa yang sama, tahap keyakinan serta kepercayaan dalam diri guru turut berkait rapat dengan gaya kepimpinan seorang ketua (Mohd Norakmar et al., 2019). Pengetua, selaku pemimpin sekolah bertanggungjawab sebagai penggerak utama ke arah meningkatkan tahap EK guru dalam melaksanakan tugas yang diberikan (Bellibas & Lin, 2017; Sun & Xia, 2018; Zeng, Yin & Lin, 2019).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu kepimpinan telah didedahkan oleh para penyelidik dalam dan luar negara. Antaranya masalah buli turut berlaku dalam kalangan pemimpin (Namie dan Namie, 2000). Selain itu, Abdul Ghani et al. (2008) yang menjalankan kajian berkenaan perihal salah laku kepimpinan di Malaysia mendapati terdapat tingkah laku tidak berakhlak yang menjadi amalan pemimpin pendidikan di sekolah terhadap guru seperti bersikap kurang sopan, bertindak agresif, tiada sokongan moral kepada guru dalam menghadapi isu dengan ibu bapa, bersifat pilih kasih dan ugutan terhadap guru-guru. Terdapat segelintir guru besar yang

lemah dalam aspek hubungan sosial seperti mengamalkan komunikasi sehalu, jarang berinteraksi dengan staf malah tidak memberikan autonomi kepada guru (Arumugam et al., 2015). Gejala negatif juga wujud dalam kalangan pemimpin sekolah yang melibatkan isu kronisme, penyalahgunaan kuasa, penipuan, kurang integriti dan lain-lain isu disiplin (Hasan al Banna et al., 2013). Segala kelemahan kepimpinan pengetua yang melibatkan aspek sahsiah dan pentadbiran pasti akan merencatkan pembinaan satu iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif (Ahmad Marzuki, 2013).

Menerusi kajian ini diharapkan dapat menonjolkan gaya kepimpinan Islam sebagai satu alternatif kepada pengetua dalam meningkatkan integriti dan sahsiah diri serta hala tuju kepimpinan yang berkualiti. Maka asas kepimpinan Islam yang bertunjangan al Quran dan al-Sunnah sewajarnya diketengahkan sebagai rujukan kepada pemimpin tertinggi sekolah. Berdasarkan keperluan serta permasalahan yang dinyatakan, diharapkan amalan kepimpinan Islam pengetua serta hubungannya dengan efikasi sendiri guru di sekolah dapat dikenalpasti melalui penyelidikan ini. Oleh yang demikian, secara khususnya kajian berkenaan kepimpinan Islam pengetua dilaksanakan bagi memfokuskan kepada tiga objektif utama:

- i. Mengetahui tahap amalan kepimpinan Islam pengetua di Sekolah Menengah Agama.
- ii. Mengetahui tahap efikasi sendiri guru di Sekolah Menengah Agama.
- iii. Mengetahui hubungan antara amalan kepimpinan Islam pengetua terhadap efikasi sendiri guru di Sekolah Menengah Agama.

## Tinjauan Literatur

### *Konsep Kepimpinan Islam*

Kepemimpinan institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memikul tanggungjawab bagi memastikan aspirasi dan agenda pendidikan negara dapat diteruskan (Rahayu et al., 2020). Dalam membincangkan tentang masalah kepimpinan, antara perkara utama yang difokuskan adalah pendekatan atau gaya kepimpinan yang diamalkan serta atribut pemimpin sama ada dalam bab pemerintahan, pentadbiran mahupun pemimpin sebuah organisasi (Omar, 2012). Lantaran itu, gaya kepimpinan seorang pengetua amat penting dalam memberi impak terhadap organisasi. Ini kerana, gaya kepimpinan yang diamalkan akan mempengaruhi tindakan serta hubungan dengan kakitangan bawahan. Malah, corak kepimpinan yang sesuai mampu menggerakkan warga sekolah untuk berkongsi wawasan (Norita et al., 2020). Di samping itu, prestasi dan kecekapan pemimpin akan memberi contoh kepada kepimpinannya melalui nilai etika dalam membentuk budaya serta membawa perubahan organisasi (Gazi, 2020).

Penerapan amalan Islam dalam pelbagai bidang yang dititikberatkan oleh Malaysia hari ini menjadi pemangkin kepada perubahan dalam bidang pendidikan. Aspek kepemimpinan pengetua, pengurusan dan pentadbiran organisasi, perkembangan kurikulum perlu berpaksikan kepada prinsip Islam tanpa meninggalkan kemajuan teknologi. Dalam konteks ini, pemimpin pendidikan boleh menyetengahkan gaya kepimpinan Islam sebagai satu alternatif yang ternyata memberi impak positif kepada peningkatan prestasi akademik dan sahsiah murid (Ahmad Marzuki, 2013). Ini kerana dalam Islam, kepimpinan merupakan satu tanggungjawab dan akauntabiliti bagi seorang pemimpin berdasarkan surah an-Nisa' ayat 58 iaitu: "Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu menyempurnakan amanah kepada ahlinya (yang layak

menerimanya), dan apabila kamu menetapkan ketetapan dalam kalangan manusia hendaklah kamu menetapkannya dengan adil dan saksama)", (Ahmad Tarmizi, 2017). Pemimpin Islam memegang amanah berdasarkan kepercayaan yang diberikan, tidak menyalahgunakan kuasa yang ada serta menyedari bahawa kuasa diberikan bersifat sementara untuk membawa kebaikan kepada masyarakat (Rafiki, 2020). Oleh itu, kepemimpinan Islam bukan hanya diukur melalui kata-kata sahaja, akan tetapi melalui penonjolan personaliti yang mempunyai nilai serta amalan yang menepati dua sumber rujukan utama Islam iaitu al Quran dan as Sunnah (Dzulfida et al., 2020). Dalam masa yang sama, kepimpinan Islam turut meletakkan konsep uswatun hasanah sebagai asas dengan menampilkan Nabi Muhammad SAW sebagai ikon terbaik dan menjadikan keredhaan Allah SWT sebagai matlamat utama dalam perkara yang diusahakan (Suzana, 2019).

Bersumberkan al Quran sebagai rujukan utama ajaran Islam, kepimpinan Nabi Muhammad SAW diakui sebagai satu model kepimpinan unggul yang menggabungkan beberapa ciri kepimpinan merangkumi kekuatan aqidah, ketinggian daya intelek, keluhuran akhlak, kemampuan fizikal, kesabaran, kemahiran berdiplomasi, dan kasih sayang (Aida dan Zamir, 2020). Menerusi sifat baginda SAW terdapat tiga kategori utama kepimpinan Islam iaitu sifat fathonah (bijaksana) yang mewakili aspek kemahiran profesional, sifat siddiq (berkata benar) dan amanah (jujur), mewakili aspek keunggulan sahsiah dan aspek kemahiran sosial melalui sifat tabligh iaitu menyampaikan (Adanan & Khairunneezam, 2012). Sifat integriti dan amanah dalam diri pemimpin akan menjadikan kuasa dan sumber yang diamanahkan itu aman daripada unsur penyelewengan (Suraiya, 2011).

### ***Prinsip Pembentukan Gaya Kepimpinan Islam***

Kemahiran komunikasi berkesan adalah satu keperluan bagi pemimpin dalam mengepalai organisasi. Ia juga perlu berteraskan kepada prinsip kepimpinan Islam yang menggalakkan elemen perkembangan sahsiah diri serta kemurnian hati (al-Hajj 22:32), penerapan sikap mengambil berat terhadap tugas serta peranannya sebagai anggota organisasi di samping meningkatkan iltizam kerja guru di sekolah (Suhana, 2017). Empat prinsip yang dibincangkan dalam kajian kepimpinan Islam ini meliputi prinsip akidah, keadilan, syura dan ihsan.

#### ***Prinsip Akidah:***

Akidah tauhid adalah satu bentuk pegangan yang kuat, yakin dan percaya dengan sebenarnya tentang kewujudan, keesaan serta sifat kesempurnaan Allah SWT. Elemen akidah merupakan tunjang dalam kehidupan seorang muslim kerana melibatkan pengabdian seorang hamba terhadap penciptanya (al-Zariyat 51:56-58). Pelaksanaan pendekatan tauhid dalam kepimpinan organisasi memberi kesan yang besar kerana dapat melahirkan muslim yang bersikap terbuka, kompeten, berintegriti, berdisiplin dan ikhlas dalam melaksanakan tugas. Ini kerana kefahaman yang baik terhadap konsep tauhid menyebabkan setiap urusan dilaksanakan berlandaskan ketakwaan kepada Allah SWT (Siti Fatimah dan Nasri, 2020).

Di samping itu, pelaksanaan aktiviti berteraskan akidah, syariat dan akhlak dalam kalangan warga organisasi berjaya meningkatkan jati diri murid dan kepimpinan sekolah (Ahmad Marzuki et al., 2014). Tambahan pula, guru yang sedar tentang tanggungjawab terhadap Pencipta berjaya menunaikan amanah dengan lebih sempurna (Ahmad Marzuki et al., 2014). Malah, sistem pengurusan sekolah yang diikat dengan prinsip akidah melalui penerapan konsep keimanan juga akan meningkatkan kualiti serta kelancaran sistem pengurusan (Siti Sumaiyya, 2020).

***Prinsip Keadilan:***

Sifat adil merupakan perkara yang diberi penekanan dalam Islam (Noor Hidayah, 2014). Ini bertepatan dengan perintah Allah SWT supaya manusia menegakkan kebenaran dan berlaku adil (al Maidah 5:8) Menurut Islam, keadilan bukanlah kesamarataan dari sudut kuantiti namun meletakkan sesuatu hak berdasarkan kesesuaian mengikut kemahiran, peranan, serta bebanan individu.

Pemimpin yang berjaya membawa kesejahteraan adalah pemimpin yang meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya dan menyerahkan kepada mereka yang berhak menerimanya (Nor Zanariah, 2021). Konsep keadilan perlu difahami dengan sebenarnya agar tidak timbul isu berat sebelah atau pilih kasih yang mengakibatkan penganiayaan atau kezaliman terhadap orang yang dipimpin. Justeru, Islam memberi peringatan agar pemimpin menitikberatkan persoalan keperluan serta permasalahan dalam kalangan ahli organisasi menerusi saluran interaksi yang efektif dalam memastikan prinsip keadilan ini terlaksana (Ahmad Marzuki, 2013).

***Prinsip Syura:***

Amalan syura merupakan satu proses musyawarah bagi menetapkan suatu keputusan dalam sebuah organisasi yang didorong oleh unsur permuafakatan, bersifat terbuka, saling mempercayai, amanah, memberi nasihat untuk meningkatkan kompetensi serta komitmen kerja guru (Suhana, 2017). Adalah menjadi kewajipan pemimpin untuk mengadakan musyawarah dan perundingan bersama ahli organisasi agar boleh memberikan pandangan dan cadangan dalam sesuatu perkara (al-Syura 42:38; ali-Imran 3:159) menerusi amalan syura ini. Dalam pada itu, aplikasi amalan syura akan memberikan kesan positif melalui sikap bertoleransi, saling bermuafakat, melibatkan diri, mewujudkan keadilan dan saling mempercayai dalam kalangan ahli organisasi (Suhana et. al., 2015 dan Muhyuddin, 2010). Pemimpin perlu menjadikan segala kritikan atau teguran yang wujud dalam organisasi sebagai satu iktibar dan peluang seterusnya menjadikan kaedah interaksi antara ahli organisasi sebagai pendekatan dalam kepimpinan (Dale, 2013).

Prinsip syura ini seharusnya dijadikan amalan bagi kepimpinan sekolah terutamanya pengetua agar bersikap terbuka serta berlapang dada di samping memberikan ruang kepada guru menyuarakan pandangan sebelum sebarang keputusan diambil (Ahmad Marzuki, 2013). Justeru, prinsip syura adalah teras utama kepada amalan demokrasi dalam pentadbiran sebuah organisasi yang berupaya meningkatkan komitmen, efikasi sendiri guru dan semangat kerja berpasukan yang tinggi ekoran wujudnya kesepakatan dalam membina sesuatu keputusan.

***Prinsip Ihsan:***

Islam memberikan penekanan terhadap aspek mutu dan pencapaian dalam sesuatu perkara yang dilaksanakan. Dalam ajaran Islam, Ihsan bererti berbuat baik dan memperbaiki tingkah laku, sama ada kepada pencipta ataupun sesama makhluk dalam usaha mendapatkan keredhaan Allah SWT dan mematuhi arahan-Nya (Darmawan, 2019). Istilah Ihsan turut diertikan sebagai melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan cara yang terbaik bersama tahap kesedaran yang tinggi bahawa setiap tindakan adalah dalam pengawasan dan penilaian Allah SWT (Hassan dan Siti, 2011).

Melalui kefahaman prinsip ini, manusia dididik untuk melaksanakan segala amalan dengan bersungguh-sungguh dan mendorong sifat ikhlas dalam mengerjakan ibadah kerana Allah SWT semata-mata (Heikal & Noor Azizah, 2019). Justeru, dapat difahami penerapan nilai

Ihsan dalam melaksanakan tugas dengan baik merupakan budaya kerja cemerlang kerana yakin ada ganjaran daripada Allah SWT. Bagi meningkatkan kualiti organisasi, pemimpin perlu memiliki sifat ikhlas dalam membantu seluruh warga yang dipimpin. Penerapan budaya ihsan dalam kepemimpinan mampu mencetuskan persekitaran yang positif bersama ahli organisasi seterusnya membawa kepada peningkatan hasil kerja dan pengurusan yang efektif (Siti Sumaiyya, 2020)

### ***Efikasi Kendiri Guru***

Guru berperanan dalam menyumbang kepada kecemerlangan sekolah di bawah kepemimpinan seorang pengetua yang efektif (Shafinaz, 2016). Guru dan pengetua seharusnya menunjukkan sokongan penuh dalam memberikan bimbingan, berkolaboratif dalam amalan dan memastikan kompetensi dicapai dalam memenuhi standard professional (Musliza et al., 2020).

Tenaga pengajar yang memiliki efikasi sendiri (EK) yang mantap selalunya menunjukkan kesungguhan dan komitmen terbaik dalam memberikan perkhidmatan demi kepentingan sekolah (Aswaniza & Rosadah, 2018). EK ditakrifkan sebagai satu bentuk dorongan terhadap keyakinan, kemampuan serta asas kepada kecekapan diri dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang (Bandura, 1997). Adapun EK guru bermaksud keyakinan seorang guru ke atas kemampuan dirinya untuk memberi didikan serta motivasi kepada murid tanpa mengira latar belakang murid tersebut (Tschannen-Moran dan Hoy, 2001). EK guru telah berulang kali dibuktikan sebagai faktor yang relevan dalam keberkesanan aktiviti pengajaran. EK guru juga diakui sebagai pemacu yang kuat untuk mempengaruhi tingkah laku guru di dalam kelas (Barni, 2019). Menurut kajian, kepemimpinan serta pembangunan profesional merupakan faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru dan kecemerlangan murid (Harris & Hopkins, 2008; Richardson, 2011 dan Horton, 2013).

EK turut dikenal pasti sebagai mediator yang meningkatkan komitmen guru serta memberikan implikasi dalam pelbagai aspek (Musliza et al., 2020). Selain itu, kekuatan sifat EK yang dimiliki oleh guru menjadikan mereka individu yang berani mencuba kaedah baharu serta meningkatkan pencapaian secara keseluruhan (Baharuzaini et al., 2016). Guru yang berefikasi sendiri tinggi turut mengalami tahap kepuasan kerja yang lebih tinggi, tahap tekanan yang berkaitan dengan pekerjaan yang lebih rendah dan kurangnya kesukaran dalam menangani tingkah laku murid bermasalah (Caprara et al., 2003). Justeru, EK ini akan mempengaruhi tingkah laku guru secara positif serta meningkatkan motivasi dan pencapaian murid (Skaalvik & Skaalvik, 2007; Tschannen-Moran & Johnson, 2011).

Sehubungan itu, EK berperanan dalam mempertingkatkan tahap profesionalisme guru melalui pendekatan pengajaran di samping memacu guru dalam pembelajaran sendiri mengikut keperluan, masa dan metod yang bersesuaian (Baharuzaini et al., 2016). Tahap efikasi sendiri guru yang meningkat juga didapati mempunyai kaitan dengan sifat saling bantu membantu antara guru di samping kepemimpinan pengetua dalam mengenal pasti pencapaian kerja guru terutamanya dari aspek penyampaian pengajaran, interaksi guru dengan murid serta menyusun pembelajaran murid (Sehgal et al., 2017).

Tiga dimensi telah diperkenalkan oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) menerusi Teori EK guru yang telah dibangunkan iaitu strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar. Huraian bagi setiap dimensi ini adalah seperti berikut:

i. Dimensi Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran melibatkan aktiviti pengendalian dan pengurusan proses pengajaran oleh guru. Ini termasuklah menyusun satu bentuk perancangan dengan menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mencapai matlamat pengajaran (Bei & Lei, 2020). Berdasarkan strategi pengajaran, guru yakin terhadap kemampuan mereka dalam menyediakan latihan yang baik, strategi yang pelbagai dalam pentaksiran, memahami murid melalui kaedah penerangan yang berbeza serta menggunakan pendekatan alternatif dalam strategi pengajaran (Norsimah & Mahadzir, 2020). Ini termasuklah kemampuan guru dalam menangani kelompok murid yang berbeza tahap penerimaan di samping melaksanakan pelbagai strategi pentaksiran (Kalaivani & Azlin, 2018).

ii. Dimensi Pengurusan Bilik Darjah

Kebolehan guru dalam mengendali dan mengatur bilik darjah secara efektif melambangkan tahap pengurusan kelas yang baik. Kemampuan guru ini membabitkan pengawalan tingkah laku dan disiplin murid serta kepatuhan terhadap peraturan sepanjang kelas berlangsung (Liang, 2020). Efikasi sendiri guru dalam menguruskan bilik darjah antara faktor utama dalam menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta membantu murid belajar secara berkesan (Zalifah, 2014). Ekoran kelas ditadbir urus secara efisien, murid dapat dilibatkan secara maksima semasa proses pengajaran pembelajaran berlangsung (Linda dan Zamira, 2017).

iii. Dimensi Penglibatan Murid

Tahap efikasi sendiri guru boleh dilihat melalui keterlibatan murid semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas selain dapat mengukur keberkesanan sesi pengajaran (Tschannen-Moran et al., 1998). Faktor penglibatan pelajar membawa maksud keyakinan dan keupayaan guru dalam memotivasikan murid untuk meningkatkan prestasi akademik, memberi keyakinan kepada murid tentang potensi diri malah guru turut berjaya melibatkan keluarga murid dalam membantu meningkatkan kecemerlangan akademik anak mereka (Jazmi, 2015). Guru yang mempunyai efikasi sendiri yang mantap bertindak memberi keyakinan kepada murid dalam menyelesaikan tugas sekolah (Norsimah & Mahadzir, 2020).

Keyakinan guru terhadap kemampuan diri mereka menerusi kesemua dimensi ini adalah penting bagi meningkatkan tahap efikasi sendiri yang tinggi di mana kekuatan kepercayaan individu terhadap keupayaan dirinya akan memberi kesan terhadap tindakan berhubung sesuatu keadaan yang dihadapi. Seterusnya membentuk sikap yang sepatutnya bagi memastikan pencapaian matlamat yang ditetapkan (Khalid, 2009).

### ***Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Islam Pengetua Dan Efikasi Kendiri Guru***

Pendekatan kepimpinan pengetua yang efisien mampu meningkatkan tahap efikasi sendiri guru seterusnya memberikan implikasi yang besar dalam membentuk sikap guru. Matlamat sekolah dapat direalisasikan dengan adanya guru bermotivasi, mempunyai daya saing yang mampan serta sentiasa berkolaborasi bersama pengetua ketika berhadapan dengan cabaran (Shafinaz, 2017). Secara umumnya, kajian terdahulu membuktikan efikasi sendiri guru dipengaruhi oleh kepimpinan pemimpin utama sekolah. Antaranya, aspek pengaruh ideal serta rangsangan intelek yang diamalkan oleh kepimpinan pengetua transformasional dikenal pasti berkait rapat dengan efikasi sendiri guru (Mehdinezhad dan Mansouri, 2016). Namun, faktor sosio afektif guru turut menyumbang kepada hubungan kepimpinan pengetua dengan efikasi sendiri guru (Ma & Marion, 2019). Nilai kepercayaan terhadap pengetua merupakan antara



faktor sosio afektif guru yang berperan dalam membentuk efikasi sendiri guru (Nguyen, Ng & Yap, 2017). Selain itu, efikasi sendiri guru juga didapati berfungsi sebagai pengantara yang baik, bagi hubungan kepemimpinan pengetua dan komitmen guru (Musliza et al., 2020).

Walau bagaimanapun kajian mengenai gaya kepemimpinan Islam yang dihubungkan secara khusus dengan efikasi sendiri guru tidak banyak dilaksanakan. Malah, penyelidikan terdahulu lebih memfokuskan kepada corak kepemimpinan yang diketengahkan oleh cendekiawan barat antaranya gaya kepemimpinan transformasional (Jazmi, 2015); gaya kepemimpinan instruksional (Shafinaz et al., 2016) dan gaya kepemimpinan distributif (Puspanathan & Mahaliza, 2021; Vasuki & Zahari, 2021). Selain itu, kajian berkenaan amalan gaya kepemimpinan Islam yang dibuat banyak melibatkan pemboleh ubah bersandar seperti komitmen, kepuasan kerja, motivasi guru, prestasi dan sebagainya. Maka elemen efikasi sendiri guru dilihat berperanan penting dalam membantu pembinaan kualiti pengajaran guru serta kecemerlangan pendidikan khususnya kepada pencapaian murid. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi mengetahui serta menentukan hubungan gaya kepemimpinan Islam pengetua dan efikasi sendiri guru secara lebih mendalam.

Kesimpulannya, gaya kepemimpinan Islam dilihat berupaya meletakkan pengetua sebagai pemimpin pendidikan yang berpengaruh dalam mengetuai barisan kepimpinannya sehingga mencapai kecemerlangan yang diimpikan. Melalui amalan kepemimpinan Islam ini, pengetua akan mempamerkan keterampilan sebagai pemimpin yang berakhlak mulia, membina suasana yang harmoni, menjadi contoh terbaik, meningkatkan prestasi kerja guru dan mampu merangsang efikasi sendiri yang tinggi dalam diri mereka selaku pendidik untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang. Amalan kepemimpinan Islam diyakini memiliki impak yang positif terhadap pemimpin, pengikut, atau organisasi. Malah, konsep kepemimpinan Islam adalah lebih unggul daripada konsep kepemimpinan lain yang terdiri daripada tujuan semasa dan masa depan (Rafiki, 2020). Melalui kajian literatur yang dibincangkan menunjukkan amalan kepemimpinan berpaksikan Islam serta pembentukan efikasi sendiri guru merupakan isu penting untuk diperbahaskan kerana mempunyai peranan yang besar terhadap agenda pendidikan.

## **Metodologi**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian yang dijalankan ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah ini sesuai bagi menjelaskan hubungan antara dua variabel yang terlibat iaitu variabel bebas (Kepimpinan Islam) dan variabel bersandar (Efikasi Kendiri Guru). Maklumat yang dikumpulkan melalui kaedah ini dapat diperolehi dalam masa yang singkat serta kos yang rendah (Creswell & Creswell, 2018).

### ***Populasi dan Persampelan***

Seramai 50 orang responden dari kalangan guru telah dilibatkan dalam kajian tinjauan awal ini. Pemilihan guru secara rawak mudah diadakan di dua buah Sekolah Menengah Agama Swasta di Daerah Hulu Langat. Responden yang dipilih merupakan guru yang berkhidmat bermula pada tahun pertama sehingga melebihi 10 tahun perkhidmatan. Kajian ini melibatkan sampel yang mewakili kepelbagaian lapisan dalam kalangan guru seterusnya memastikan setiap populasi memperoleh peluang yang sama serta bebas dipilih sebagai sampel. Sekolah yang dipilih diterajui oleh pengetua yang beragama Islam bagi melihat budaya memimpin mengikut prinsip Islam yang diamalkan di sekolah masing-masing. Sewajarnya Sekolah Menengah

Agama yang meletakkan asas penubuhannya berkonsepkan Islam mengamalkan kepemimpinan Islam dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah. Responden kajian yang melibatkan semua guru beragama Islam juga menepati kehendak kajian. Selain itu, penyelidikan berkenaan Amalan Kepimpinan Islam Pengetua yang dikaitkan secara khusus dengan Efikasi Kendiri Guru masih belum ditemui kajiannya oleh penyelidik di Daerah Hulu Langat.

### ***Instrumen Kajian***

Satu set soal selidik telah dibangunkan sebagai instrumen kajian yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (Latar Belakang Responden), bahagian B (Kepimpinan Islam) dan bahagian C (Efikasi Kendiri Guru). Penggunaan soal selidik bertujuan untuk mendapatkan maklum balas yang lebih praktikal serta bebas daripada unsur berat sebelah ketika temu bual dijalankan (Pindek et al., 2017). Bahagian A merangkumi 4 item asas berkaitan latar belakang responden. Item bagi amalan kepemimpinan Islam Pengetua yang terdapat dalam bahagian B diukur menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada kajian Ahmad Marzuki (2013) dan Noor Hidayah (2014) yang terdiri daripada 13 item. Manakala tahap Efikasi Kendiri Guru pula diukur menggunakan instrumen Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) yang telah diubahsuai daripada penyelidikan terdahulu (Nurul Akma et al., 2018). Item pengukuran pada bahagian C ini terdiri daripada 10 item bagi mendapatkan persepsi guru berkenaan keberkesanan mereka dalam penglibatan pelajar, strategi pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Pengkaji telah menggunakan Skala Likert Lima Pilihan sebagai alat pengukuran bagi data yang dikumpulkan dalam instrumen kajian pada bahagian B (Kepimpinan Islam) dan bahagian C (Efikasi Kendiri Guru). Bagi item Kepimpinan Islam yang terdapat pada bahagian B, penggunaan skala 1 diberikan bagi mewakili 'Tidak Dilaksanakan', skala 2 bagi 'Jarang Dilaksanakan', skala 3 adalah 'Tidak Pasti', skala 4 pula 'Kerap Dilaksanakan' dan skala 5 adalah 'Dilaksanakan Secara Konsisten'. Adapun untuk item Efikasi Kendiri Guru, pilihan yang digunakan adalah skala 1 yang mewakili kenyataan 'Sangat Tidak Setuju', skala 2 adalah 'Tidak Setuju', skala 3 adalah 'Kurang Setuju', skala 4 adalah 'Setuju' dan skala 5 adalah 'Sangat Setuju'.

### ***Kesahan dan Kebolehpercayaan***

Kesahan bagi sesuatu ujian pengukuran bergantung kepada sejauh mana kaedah pengukuran tersebut berjaya mendapatkan ukuran bagi apa yang ingin diukur (Azizi Yahya et al., 2017). Maka, soal selidik dalam kajian ini juga turut menjalani proses kesahan. Segala item yang dibangunkan telah dikemukakan dan dirujuk kepada dua orang pakar dari dua buah universiti awam yang berkemahiran serta berpengalaman untuk disemak. Item soal selidik ini diteliti untuk menentukan setiap item menepati pemboleh ubah yang dikaji. Pakar pertama merupakan pensyarah dalam bidang pentadbiran pendidikan dan pakar kedua adalah pensyarah dalam bidang dakwah dan kepimpinan. Ini bagi memastikan isi kandungan instrumen bersesuaian dan menepati objektif kajian. Kedua-dua orang pakar menerima item yang dibina bersama beberapa cadangan penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman responden seterusnya menentukan kesahan kandungannya.

Bagi kesahan konstruk instrumen, pengukuran dibuat dengan merujuk kepada nilai korelasi antara jumlah skor keseluruhan dengan skor bagi setiap item dalam konstruk tersebut. Analisis ini dilaksanakan dengan menggunakan korelasi Pearson bagi melihat hubungan yang wujud antara skor setiap item dengan jumlah keseluruhan markah berdasarkan konstruk berkenaan. Nilai koefisien korelasi antara item dengan jumlah skor melebihi 0.3 adalah tinggi dan boleh diterima (Abu Bakar, 1995). Bernstein (1994) pula mengatakan item-item yang mempunyai hubungan pada nilai melebihi 0.25 diterima sebagai bacaan nilai yang tinggi. Selain itu,

kesahan instrumen turut boleh diperolehi melalui pemerhatian kepada nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor (Corrected Item-Total Correlation). Ini bererti pekali korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor tanpa item berkenaan yang kurang dari 0.3 akan digugurkan (Nurosis, 1977). Oleh itu, dalam kajian ini, konstruk bagi prinsip Kepimpinan Islam menunjukkan bacaan antara 0.47 sehingga 0.80 bagi nilai korelasi setiap item skor dengan jumlah skor. Manakala untuk konstruk Efikasi Kendiri pula, bacaan nilai korelasi setiap item skor dengan jumlah keseluruhan markah adalah antara 0.56 sehingga 0.78. Bahkan kadar bacaan menunjukkan semuanya melebihi 0.3 bagi nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor. Kesimpulannya, instrumen kajian ini mempunyai nilai kesahan yang tinggi bertepatan dengan saranan Nurosis (1977), Abu Bakar (1995) dan Berstein (1994).

Nilai pekali alfa atau Alfa Cronbach adalah kaedah yang dijadikan rujukan untuk mengukur ketekalan dalaman sesuatu konstruk. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan Ujian Statistik Cronbach Alpha dalam perisian SPSS (Standard Package Statistics Systems) dalam menganalisis segala data yang diperolehi untuk dinilai kebolehpercayaannya. Menurut Ary et al. (2010), nilai alfa pada tahap 0.71 sehingga 0.99 adalah nilai yang boleh digunakan dalam menentukan kebolehpercayaan. Dalam kajian ini, nilai ketekalan dalaman (Alfa Cronbach) bagi prinsip Kepimpinan Islam Pengetua ialah 0.916 sementara untuk Efikasi Kendiri guru pula ialah 0.832. Justeru, instrumen kajian ini menepati aras kebolehpercayaan yang tinggi.

#### ***Analisis Data dan Interpretasi Data***

Perisian Standard Package Statistics Systems (SPSS) Versi 28 telah digunakan dalam kajian ini untuk memproses data yang diperolehi bagi mendapatkan keputusan statistik deskriptif secara spesifik serta tepat. Dua kaedah analisis telah digunakan dalam kajian ini iaitu ujian analisis deskriptif serta analisis inferensi korelasi pearson. Peratus, taburan kekerapan, nilai purata serta sisihan piawai dikira dan ditentukan menerusi melalui kaedah statistik deskriptif, bagi mengenal pasti tahap amalan kepimpinan Islam dan juga tahap efikasi kendiri guru. Interpretasi nilai min yang dirujuk dalam kajian ini adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Skala Skor Min dan Interpretasi**

| <b>Skor Min</b> | <b>Tahap Min</b> |
|-----------------|------------------|
| 4.01-5.00       | Tinggi           |
| 3.01-4.00       | Sederhana Tinggi |
| 2.01-3.00       | Sederhana Rendah |
| 1.00-2.00       | Rendah           |

Sumber: Diadaptasi Daripada Sebilan et al. (2017)

Seterusnya, bagi menghuraikan perkaitan antara Kepimpinan Islam Pengetua serta Efikasi Kendiri Guru, ujian korelasi pearson pula digunakan dalam kajian ini. Tujuan analisis inferensi dilaksanakan adalah bagi menguji hipotesis kajian. Jadual 2 memperlihatkan interpretasi nilai pekali korelasi yang digunakan.

**Jadual 2: Skala Kekuatan Nilai Pekali Korelasi dan Interpretasi**

| Saiz pekali korelasi (r)                 | Aras Kekuatan Hubungan |
|--|------------------------|
| 0.91 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00 | Sangat Kuat            |
| 0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90 | Kuat                   |
| 0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70 | Sederhana              |
| 0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50 | Lemah                  |
| 0.01 hingga 0.30 atau -0.01 hingga -0.30 | Sangat Lemah           |
| .00                                      | Tiada Korelasi         |

Sumber: Diadaptasi Daripada Chua (2014)

### Dapatan Dan Perbincangan

Hasil kajian ini akan dihuraikan berteraskan kepada tiga persoalan utama kajian.

#### *Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Amalan Kepimpinan Islam Pengetua Di Sekolah Menengah Agama?*

Secara keseluruhannya, melalui hasil analisis deskriptif yang diperolehi menunjukkan amalan Kepimpinan Islam Pengetua adalah berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata 3.98 (s.p.=0.73). Namun jika dirujuk kepada Jadual 3, didapati dua konstruk berada pada tahap tinggi iaitu konstruk Prinsip Ihsan (min=4.10, s.p.=0.71) dan diikuti dengan Prinsip Akidah (min=4.09, s.p.=0.71). Sementara itu, dua konstruk lagi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu Prinsip Syura (min 3.95, s.p.=0.79) serta konstruk Prinsip Keadilan (min=3.77, s.p.=0.71).

Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa Pengetua di Sekolah Menengah Agama telah mengamalkan kesemua konstruk di dalam Prinsip Kepimpinan Islam. Berdasarkan keempat-empat prinsip yang terkandung di dalam kajian ini, amalan Prinsip Ihsan merupakan prinsip yang kerap diamalkan oleh pengetua kerana memperoleh skor min yang tertinggi berbanding dengan prinsip yang lain. Menerusi soal selidik yang ditanya, guru-guru bersetuju bahawa pengetua merupakan seorang pemimpin yang komited dan berdedikasi dalam menjalankan tugas. Hasil daripada soal selidik ini juga, pengetua menurut persepsi guru adalah seorang yang sentiasa memperbaiki kelemahan yang wujud dalam pentadbiran, menjaga hubungan baik dengan guru sekolah di samping mengambil berat tentang kebajikan dalam kalangan warga organisasi. Selain itu, penerapan elemen Tauhid dalam kepimpinan pengetua dilaksanakan di sekolah berpandukan kepada al Quran dan as Sunnah. Responden turut menyokong kenyataan bahawa pengetua menunjukkan contoh secara praktikal dalam mendidik seluruh ahli organisasi. Dalam pada masa yang sama, Pengetua di Sekolah Menengah Agama perlu meningkatkan lagi amalan musyawarah serta memberi perhatian terhadap aspek keadilan dalam menguruskan organisasi sekolah.

Dapatan yang diperolehi ini selari dengan penyelidikan yang dijalankan oleh Siti Sumaiyya (2020), yang mana membuktikan bahawa Pengetua cemerlang merupakan mereka yang mengamalkan konsep Tauhid dan Ihsan dalam pengurusan pentadbiran. Penghayatan kepada kedua prinsip ini memotivasikan ahli organisasi terhadap pelaksanaan tugas dengan cara terbaik dan bersungguh-sungguh yang akhirnya menyumbang kepada kecemerlangan guru dan murid. Tahap penghayatan nilai Ihsan yang tinggi menunjukkan setiap pelaksanaan tugas menjadi suatu ibadah apabila pekerjaan dilaksanakan dengan ikhlas (Muhammad Haeikal & Noor Azizah, 2019). Kajian Ahmad Marzuki (2013) turut membuktikan prinsip Ihsan dan Tauhid mendapat skor tertinggi melebihi 4.01 dalam amalan kepimpinan Islam pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia.

**Jadual 3: Tahap Amalan Kepimpinan Islam Pengetua di Sekolah Menengah Agama**

| Konstruk                 | Min         | Sisihan Piawai | Interprestasi           |
|--------------------------|-------------|----------------|-------------------------|
| Prinsip Akidah           | 4.09        | 0.71           | Tinggi                  |
| Prinsip Keadilan         | 3.77        | 0.71           | Sederhana Tinggi        |
| Prinsip Syura            | 3.95        | 0.79           | Sederhana Tinggi        |
| Prinsip Ihsan            | 4.10        | 0.71           | Tinggi                  |
| <b>Tahap Keseluruhan</b> | <b>3.98</b> | <b>0.73</b>    | <b>Sederhana Tinggi</b> |

***Persoalan Kajian 2: Apakah Tahap Efikasi Kendiri Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Agama?***

Jadual 4 di bawah mempamerkan hasil analisis bagi tahap efikasi kendiri guru. Analisis data mendapati tahap keseluruhan bagi sikap efikasi kendiri guru di Sekolah Menengah Agama adalah berada pada kedudukan yang tinggi dengan nilai min 4.08 (s.p.=0.58). Merujuk kepada Jadual 4 ini, didapati konstruk strategi pengajaran menunjukkan nilai min tertinggi (min=4.15, s.p.=0.57), selanjutnya diikuti dengan konstruk penglibatan murid (min=4.05, s.p.=0.67) dan akhir sekali konstruk pengurusan bilik darjah (min=4.01, s.p.=0.51). Kesemua konstruk Efikasi Kendiri yang mencatatkan tahap bacaan yang tinggi ini memberi petunjuk bahawa guru-guru di Sekolah Menengah Agama memiliki keyakinan yang tinggi tentang keupayaan diri dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dengan baik. Guru-guru didapati menggunakan pelbagai kaedah dan strategi pengajaran, pengurusan kelas yang terkawal serta penilaian yang sesuai dengan kebolehan murid. Malah melalui penelitian ini guru dipercayai mampu menghadapi cabaran serta bersedia melaksanakan perubahan dalam pengajaran sehingga meningkatkan pencapaian murid.

Kajian Nitce et al. (2018) telah memperolehi hasil yang sama dengan dapatan kajian ini iaitu menunjukkan guru mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi di mana konstruk strategi pengajaran memperoleh skor yang dominan. Demikian juga kajian Liang dan Tai (2021) mendapati tahap efikasi kendiri guru di SMK Semenanjung Malaysia adalah tinggi, namun konstruk pengurusan bilik darjah merupakan konstruk yang mendapat skor tertinggi.

**Jadual 4: Tahap Efikasi Kendiri Guru di Sekolah Menengah Agama**

| Konstruk                 | Min         | Sisihan Piawai | Interprestasi |
|--------------------------|-------------|----------------|---------------|
| Strategi Pengajaran      | 4.15        | 0.57           | Tinggi        |
| Pengurusan Bilik Darjah  | 4.01        | 0.51           | Tinggi        |
| Penglibatan Murid        | 4.05        | 0.67           | Tinggi        |
| <b>Tahap Keseluruhan</b> | <b>4.08</b> | <b>0.58</b>    | <b>Tinggi</b> |

***Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Hubungan Signifikan Antara Amalan Kepimpinan Islam Pengetua Terhadap Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Menengah Agama?***

Berdasarkan paparan pada Jadual 5, ia memperlihatkan dapatan bagi ujian korelasi pearson terhadap hubungan amalan kepimpinan Islam Pengetua dengan efikasi kendiri guru. Bacaan nilai korelasi pearson,  $r=0.443$ ,  $p<0.01$ , menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang jelas namun pada kadar hubungan yang lemah. Dapatan ini mengesahkan wujudnya korelasi antara amalan kepimpinan Islam Pengetua dengan Efikasi Kendiri Guru walaupun pada kadar hubungan yang lemah tetapi signifikan. Namun, dapatan kajian ini berbeza dengan

penyelidikan yang dijalankan oleh Noor Hidayah (2014) dan Ahmad Marzuki (2013). Menurut kajian mereka, hubungan amalan kepimpinan Islam dibuktikan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap komitmen organisasi dan komuniti pembelajaran profesional guru. Meskipun begitu, melalui hasil keputusan ini menunjukkan bahawa peranan Kepimpinan Islam Pengetua amat diperlukan dalam meningkatkan keupayaan pengajaran guru. Justeru, amalan kepimpinan Islam di Sekolah Menengah Agama perlu dipertingkatkan lagi dalam kalangan Pengetua agar dapat memberi impak yang positif terhadap efikasi sendiri guru. Dapatan ini secara langsung menolak hipotesis nul ( $H_0$ ) kajian.

**Jadual 5: Hubungan antara amalan Kepimpinan Islam Pengetua terhadap Efikasi Kendiri Guru di Sekolah Menengah Agama**

|                                  |                  | Efikasi Kendiri Guru |
|----------------------------------|------------------|----------------------|
| <b>Kepimpinan Islam Pengetua</b> | Korelasi Pearson | .443**               |
|                                  | Sig. (2-hujung)  | .001                 |
|                                  | n                | 50                   |

\*\*Signifikan pada aras keyakinan  $p < 0.01$  (2-hujung)

### Kesimpulan

Kajian ini telah memfokuskan kepada hubungan antara amalan kepimpinan Islam Pengetua dengan efikasi sendiri guru. Hasil keputusan yang diperolehi memperlihatkan amalan kepimpinan Islam Pengetua Sekolah Menengah Agama berada pada tahap sederhana tinggi manakala tahap efikasi sendiri guru pula adalah tinggi. Dapatan kajian ini juga telah membuktikan bahawa wujudnya hubungan positif yang signifikan antara dua variabel ini namun pada tahap yang lemah. Secara tidak langsung, ini menandakan amalan kepimpinan Islam dalam kalangan Pengetua berpotensi untuk meningkatkan prestasi keupayaan dan efikasi sendiri guru dalam pengajaran. Ini adalah kerana keberkesanan kepimpinan bergantung kepada pendekatan yang diterapkan oleh pemimpin bagi memacu kejayaan organisasi. Selain itu, faktor lain turut perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah dalam memastikan keyakinan dan kepercayaan guru terhadap potensi diri mereka sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Implikasi kajian ini dapat membantu meningkatkan peranan pengetua di Sekolah Menengah Agama khususnya dalam mengoptimalkan efikasi sendiri guru melalui kepimpinannya. Pihak pengurusan sekolah dapat menjadikan hasil penyelidikan ini sebagai asas dalam merangka strategi baru bagi memperkemas kualiti kepimpinan dan pengurusan pengetua. Usaha membangunkan program, kursus serta latihan perlu dipertingkatkan melalui kerjasama dengan pihak tertentu seperti Institut Aminudin Baki (IAB). Selain itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga melalui Bahagian Pendidikan Swasta boleh menyusun latihan serta program secara khusus kepada para pentadbir Sekolah Menengah Agama Swasta bagi meningkatkan kualiti dan prestasi pemimpin sekolah agar pemimpin berprestasi tinggi juga mampu ditempatkan dalam institusi pendidikan swasta. Selanjutnya, dapatan penyelidikan ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan guru terhadap keperluan untuk berusaha meninggikan tahap efikasi sendiri khususnya bagi setiap dimensi yang telah dibincangkan. Latihan peningkatan profesional guru perlu diberi penekanan samada menerusi latihan dalam perkhidmatan (LADAP), Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dan kursus kemahiran di pelbagai peringkat seperti PPD, JPN dan KPM.

Oleh kerana data kajian ini hanya diperolehi dari dua buah Sekolah Menengah Agama Swasta, ini bermakna data yang dikutip mungkin tidak menyeluruh. Maka kajian lanjut boleh dilaksanakan dengan meluaskan populasi dan sampel kajian. Responden kajian boleh diluaskan kepada guru mahu pun pengetua dari Sekolah Menengah Agama di seluruh negeri Selangor contohnya, bagi mendapatkan analisis yang lebih lengkap dan sempurna. Selain itu, pendekatan kajian boleh dikembangkan melalui kaedah kualitatif dengan menemu bual pengetua atau pentadbir sekolah bagi mendapatkan pandangan yang berbeza terhadap Kepimpinan Islam Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru di sekolah.

## Rujukan

Al Quran al Karim

- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Hj. Abd Aziz & Tang Keow Ngang. (2008). Pincang Laku Kepimpinan Pengetua Menurut Perspektif Guru: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 47-60
- Abu Bakar Nordin. (1995). *Penilaian Afektif*. Kajang: MASA Enterprise.
- Adanan Mat Jusoh & Khairunneezam Mohd Noor. (2012). Kerangka Integriti Kepimpinan Islam: Pengajaran daripada Model Kepimpinan Rasulullah SAW. *Proceeding: International Conference on Islamic Leadership 2 (iCiL-2)*. pp.133-141
- Ahmad Marzuki Mohammad. (2013). *Amalan kepimpinan Islam dan attribut guru kepada pengetahuan profesional (Tesis Sarjana Pendidikan)*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Tarmizi Zakaria. (2017). *Metodologi Kepimpinan Menurut Al-Qur'an*. National Pre University Seminar (NpreUS2017). 156-165
- Ahmad Rafiki (January 21st 2020). *Islamic Leadership: Comparisons and Qualities, Digital Leadership - A New Leadership Style for the 21st Century*, Mario Franco, IntechOpen, doi:10.5772/intechopen.90151
- Aida Hanim A. Hamid & Mohd Zamir Mohd Sharif. (2020). *Gaya Kepimpinan Islam: Gaya Kepimpinan Baharu dalam Kalangan Pengetua*. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(2) 45-55.
- Amanchukwu, R. N., Stanley, G. J., & Ololube, N. P. (2015). A Review of Leadership Theories, Principles and Styles and Their Relevance to Educational Management. *Management*, 5(1), 6–14. <https://doi.org/10.5923/j.mm.20150501.02>
- Arumugam, R, Huey M. C., Yahya Don, Yaakob Daud & Rozlina Khalid. (2015). Relationship between principals' transformational leadership style and secondary school teachers' commitment. *Asian Social Science*, 11(15), 221–228.
- Ary, D., Jacobs, L., C., & Sorensen, C. (2010). *Introduction to research in education*. Canada: Wadsworth Cengage Learning.
- Aswaniza, S., & Rosadah, A. M. (2018). Efikasi Kendiri Guru Sekolah Dalam Hospital Di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(3), 20–28.
- Azlin, N. M. & Roselan, B. (2015). *Amalan Pengurusan Pengetua*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin & Azlin Norhaini Mansor. (2016). *Gaya Kepimpinan Guru Besar Dan Tahap Efikasi Guru*. *Journal of Professionalized Learning*, 2(1), 9-17.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W.H. Freeman.
- Barni, D., Danioni, F., & Benevene, P. (2019). *Teachers' Self-Efficacy: The Role of Personal Values and Motivations for Teaching*. Brief reseach report. doi: 10.3389/fpsyg.2019.01645

- Bee Chen Wong & Lei Mee Thien. (2020). Kepimpinan Transformasional Pengetua Dan Efikasi Kendiri Guru: Satu Kajian Empirikal Di Sekolah Menengah Persendirian Cina Di Pulau Pinang, Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(2), 17–37.
- Blancard, K. (2007). *Leading at a higher level*. Upper Saddle River NJ: Prentice Hall.
- Caprara, G. V., Barbaranelli, C., Borgogni, L., & Steca, P. (2003). Efficacy beliefs as determinants of teachers' job satisfaction. *Journal of Educational Psychology*, 95, 821-832. doi:10.1037/0022-0663.95.4.821
- Chua Yan Piaw. (2014). *Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM*. Published by McGraw-Hill Education. Malaysia.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5th ed.)*. Los Angeles: SAGE.
- Darmawan Dwi Pamungkas. (2019). *Konsep Ihsan dalam Al-Qur'an Perspektif Tasawuf. Diajukan Untuk Memenuhi Tugas-Tugas Dan Syarat-Syarat Dalam Memperoleh Gelar S.Ag Dalam Ilmu Ushuluddin Dan Studi Agama. Fakultas Ushuluddin Dan Studi Agama Universitas Negeri Raden Intan Lampung*.
- David M. Traversi. (2007). *Leadership: Eight Drivers of the High-Impact Leader*. Publisher: New Harbinger Publications. <http://www.leader-values.com>
- Dzulfida A Razak, Muhammad Nasri Md. Hussain & Abdullah Abdul Ghani. (2020). Ciri-Ciri Kepimpinan Islam, Hubungannya Terhadap Komitmen Organisasi. *International Journal of Modern Trends in Business Research (IJMTBR)*, 3(3), 1 – 15.
- Freidman, I. A., & Efrat, K., (2002). Teacher Self-efficacy: A Classroom-Organization Conceptualization. *Teacher and Teacher Education*, 18, 675-686.
- Gazi, A. I. (2020). Islamic Perspective of Leadership in Management; Foundation, Traits and Principles. *International Journal of Management and Accounting*, 2(1), 1–9.
- Hamid, S. A, Hamid, S. A., Mohamad, A. M., & Sawari, S. S. (2015). Amalan Syura Sebagai Obligasi Kepimpinan Organisasi Pendidikan Abad Ke 21 Evolusi Berkonsepkan Kepimpinan Rasulullah SAW. *The 2nd International Convention on Islamic Management (iCIM2015)*. Universiti Malaya. doi.org/10.13140/RG.2.1.1709.9605
- Hasan Al-Banna & Siti Arni Basir. (2011). Pemantapan Sistem Pengurusan Islam Berkualiti Melalui Konsep Tawhidi, Budaya Itqaan dan Nilai Ihsan. *World Congress on Islamic Systems 2011 (World-ISLAM 2011)*: <http://www.researchgate.net/publication/216259962>
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2013). Sistem pengurusan Islam yang berkualiti mampu menjamin kepuasan pekerja: Suatu realiti dan cabaran masa hadapan. *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)*, 3(1), ISSN 2232-0474.
- Hasan Al-Banna, M., & Siti Arni, B. (2015). Nilai-nilai sistem pengurusan kualiti Islam berasaskan al-Quran dan integrasi ilmu saintifik. *Jurnal Syariah*, 23(1), 25-52.
- Kalaivani A/P Muniandy & Azlin Norhaini Binti Mansor. (2018). Kepimpinan Transformasional Guru Besar dan Hubungannya dengan Tahap Efikasi Kendiri Guru. 1-9. <https://seminar.utmspace.edu.my/lspgabc2018/Doc/20.pdf>
- Khalid Johari. (2009). Pola Efikasi Guru-Guru Novis Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 6, 141-15.
- Khalid Johari. *Perkembangan Efikasi Guru Sekolah Menengah di Sabah*. *Jurnal Kemanusiaan*, 20. Universiti Teknologi Malaysia.
- Leithwood, K., Harris, A., & Hopkins, D. (2008). Seven strong claims about successful school Leadership. *School Leadership and Management*, 28, 27–42.



- Linda, H., & Zamira, H. D. (2017). The relationship between educational leadership and teachers' self-efficacy. *The European Journal of Social and Behavioural Sciences*, 20, 2301–2218. <https://doi.org/10.15405/ejsbs.221>
- Ma, X., & Marion, R. (2019). Exploring how instructional leadership affects teacher efficacy: A multilevel analysis. *Educational Management, Administration and Leadership*, 20(10), 1–20. <https://doi.org/10.1177/1741143219888742>
- Mayan, M. P., & Mansor, M. (2021). Distributive Leadership Practices and Teachers' Self-Efficacy in National School, Selangor. *Management Research Journal*, 10, 12-23. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol10.sp.2.2021>
- Mehdinezhad, V., & Mansouri, M. (2016). School principals' leadership behaviours and its relation with teachers' sense of self-efficacy. *International Journal of Instruction*, 9(2), 51-60.
- Mohd Nor Jaafar & Jazmi Md Isa. (2015). Pengaruh Kepemimpinan Transformasi Pengetua Terhadap Efikasi Guru di Tiga Jenis Sekolah Menengah Agama. Seminar Internasional Pendidikan Global III. 25-26 Mei 2015, Auditorium UNES – AAI Padang Indonesia.
- Musliza Mat Jusoh, M., Ismail, S. N., & Anis Salwa Abdullah, A. S. (2020). Efikasi sendiri guru sebagai mediator terhadap hubungan antara iklim sekolah dan komitmen guru. *Practitioner Research*, 2, 137-162.
- Namie, G., & Namie, R. (2000). *The bully at work: What you can do to stop the hurt and reclaim your dignity on the job*. Naperville, IL: Sourcebooks.
- Nguyen, D. T., Ng, D., & Yap, P. S. (2017). Instructional leadership structure in Singapore: A co-existence of hierarchy and heterarchy. *Journal of Educational Administration*, 55(2), 147–167. <https://doi.org/10.1108/JEA-05-2016-0060>
- Nitce Isa Medina, Azlin Norhaini Mansor, Jamalul Lail Abdul Wahab & Sharmini Siva Vikaraman. (2019). Pengaruh Kepimpinan Instruksional Guru Besar Terhadap Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Kurang Murid. *Proceeding of 4th Asia Pacific Conference On Educational Management And Leadership*.53-59.
- Noor Hidayah Zainuddin. (2014). Hubungan Antara Kepimpinan Islam Dan Komitmen Kerja Pensyarah: Kajian Di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya.
- Noornajihan Jaafar (2014). Pengaruh Efikasi Kendiri Dan Faktor Persekitaran Terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Zanariah @ Roba'atul Adawiah Talib. (2020). Penerapan Kepimpinan Spiritual Dalam Pengurusan Sekolah. *Wacana Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*. Institut Aminuddin Baki.
- Noraini Misran & Ahmad Othman. (2011). Hubungan Ciri-ciri Kepimpinan Berorientasikan Pekerja Terhadap Kejayaan Projek Di Kalangan Kontraktor Dalam Industri Pembinaan. *Prosiding Kertas Kerja Yang Dibentangkan Dalam Seminar International Conference On Management (ICM)*.
- Norsimah Dasan & Mohd Mahadzir Rahimi Mohamed Nawi. (2020). Hubungan Efikasi Kendiri Guru Dengan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 173-187
- Northouse & P.G. (2004). *Leadership theory and practice*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Norusis & M. J. (1977). *SPSS profesional statistic 7.5*. North Michigan Avenue, Chicago.
- Nunnally, J.C. & Bernstein, I.H. (1994) *The Assessment of Reliability*. *Psychometric Theory*, 3, 248-292.

- Nurulakhma Yahya, Harun Baharudin & Mohd Isa Hamzah. (2018). Efikasi Kendiri Guru Dalam Pengajaran Bahasa Arab. (Teacher's Self Efficacy In Teaching Arabic Language). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 2(1) (2018)10-17.
- Pindek, S., Kessler, S. R., & Spector, P. E. (2017). A quantitative and qualitative review of what meta-analyses have contributed to our understanding of human resource management. *Hum. Resour. Manag. Rev.* 27, 26–38. doi: 10.1016/j.hrmmr.2016.09.003
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sehgal, P., Nambudiri, R. & Mishra, S.K. (2017). Teacher effectiveness through self-efficacy, collaboration and principal leadership. *International Journal of Educational Management*, 31(4), 505-517. <https://doi.org/10.1108/IJEM-05-2016-0090>
- Shafinaz A.Maulod, Chua Yan Piaw & Leong Mei Wei. (2016). Kepimpinan intruksional pengetua dan hubungannya dengan efikasi kendiri guru sekolah menengah. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 30(02), 73-92. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sidra, A., Zuhair, M.F., Noman, S. & Sajid, A. (2012). Role of leadership in change management process. *Abasyn Journal of Social Sciences* 5(2), 111-124.
- Siti Sumaiyya Salim. (2020). Kefahaman Pengetua Cemerlang terhadap Amalan Pengurusan Islam di Sekolah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 22 (1), 71-85.
- Skaalvik, E. M., & Skaalvik, S. (2007). Dimensions of teacher selfefficacy and relations with strain factors, perceived collective teacher efficacy, and teacher burnout. *Journal of Educational Psychology*, 99, 611-625. doi:10.1037/0022-0663.99.3.611
- Suhana Abd Hamid & Ahmad Marzuki Mohamad. 2016. Amalan Syura Dalam Kalangan Guru Besar Dan Hubungannya Terhadap Komitmen Kerja Guru. *Jurnal Sains Humanika*, 8(3–2), 47–54.
- Suraiya Ishak. (2011). Model Kepemimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad Saw. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 23 – 44
- Suzana Zakaria (2019). Naratif Dimensi Kepimpinan Spiritual Dari perspektif Kepimpinan Islam. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 32(1).
- Traversi, D. M. (2007). Eight Drivers of the High-Impact Leader. <http://www.leader-values.com/Content/detail.asp?ContentDetailID=1308>
- Vasuki Muniandy & Zahari Hashim. (2021). Pengaruh Kepimpinan Distributif Terhadap Efikasi Guru: Satu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 408-415). DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.882>
- Zalifah Sidek. (2014). Tahap Efikasi Kendiri dalam Pengurusan Bilik Darjah dalam Kalangan Guru-guru Pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) Zon Selatan. Tesis Master. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia